

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 18 NOVEMBER 2022

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 38

Eksport tumbuh 15% kepada RM131.6 bilion

Eksport tumbuh 15% kepada RM131.6 bilion

PETALING JAYA – Eksport Malaysia mengekalkan pertumbuhan dua angka pada Oktober 2022, dengan mencatatkan peningkatan 15 peratus kepada RM131.6 bilion, menurut *Buletin Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Malaysia* yang diterbitkan Jabatan Perangkaan semalam.

Ia merupakan pertumbuhan dua angka buat bulan ke-15 berturut-turut, sejak Ogos 2021.

Import turut meningkat 29.2 peratus kepada RM113.5 bilion, manakala jumlah dagangan Malaysia meningkat 21.1 peratus kepada RM245.2 bilion.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin berkata, pertumbuhan berkenaan selari dengan peningkatan eksport domestik dan eksport semula.

"Eksport domestik berjumlah RM101.2 bilion (76.9 peratus daripada jumlah eksport), meningkat 10.8 peratus tahun ke tahun, sementara eksport semula menca-



NEGARA mencatat lebih dagangan pada kadar menggalakkan sejak pertengahan bulan Oktober tahun 2020.

– GAMBAR HIASAN

takkan RM30.4 bilion (23.1 peratus daripada jumlah eksport), meningkat 31.6 peratus.

"Import pada Oktober 2022 juga mengekalkan momentum

pertumbuhan dan mengambil kira pertumbuhan import yang lebih tinggi berbanding eksport, lebih dagangan direkodkan lebih rendah pada RM18.1 bilion.

"Malaysia merekodkan lebih dagangan untuk bulan ke-30 berturut-turut pada Oktober lalu, sejak Mei 2020," katanya dalam satu kenyataan.